

KPKM, Kedah diminta bertindak bersama laksana program tanaman padi 5 musim

BERITA HARIAN 26 JUL 2025

m/s: 3

Jerlun: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan kerajaan negeri dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bertindak secara bersepadu bagi melaksanakan program tanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan pantas dan penyelarasan berkesan penting untuk meningkatkan keupayaan pesawah tempatan selain memastikan hasil tuaian lebih mampan.

“Saya berkesempatan meninjau kemajuan projek pembangunan infrastruktur yang menyokong program ini khususnya di Batu 7, Kampung Kemboja, Ayer Hitam hari ini (semalam).

“Inisiatif ini amat dekat di hati saya dan saya yakin ikhtiar berani Kerajaan MADANI akan membawa reformasi menyeluruh kepada ekosistem industri padi dan beras negara,” katanya selepas meninjau kawasan sawah berkenaan di sini, semalam.

Yang turut mengiringi lawatan kerja Perdana Menteri itu ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh.

Langkah kurangkan import

Mengulas lanjut, Anwar berkata, langkah itu juga diyakini mampu mengurangkan kebergantungan kepada import serta memperkuatkan kadar sara diri beras negara.



Anwar meninjau kawasan sawah di Batu 7, Kampung Kemboja, Ayer Hitam, semalam.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Katanya, Kerajaan MADANI sentiasa mendengar suara pesawah serta memahami keperluan mereka dan terus komited memperkasa sektor berkenaan melalui pelbagai bentuk sokongan serta inisiatif berterusan.

Sementara itu, MADA dalam kenyataan berkata, lawatan itu adalah kunjungan kali kedua Perdana Menteri ke tapak projek berkenaan yang bertujuan meninjau kemajuan semasa pemba-

ngunan infrastruktur pertanian.

Katanya, ia sebagai persediaan ke arah pelaksanaan pertanian pintar, selari dengan usaha kerajaan memperkukuh bekalan makanan negara dan meningkatkan pengeluaran beras tempatan.

“Projek yang sedang dilaksanakan ini memberi tumpuan kepada penaiktarafan sistem pengairan dan saliran serta pemeraksanaan penggunaan teknologi moden da-

lam sektor penanaman padi.

“Ia dilaksanakan melalui pendekatan Kerjasama Awam Swasta (Public Private Partnership), yang bukan sahaja menyokong intensifikasi aktiviti penanaman, malah mampu meningkatkan hasil produktiviti pesawah dan menambah pendapatan mereka,” kata kenyataan itu.

Menurut MADA, program itu juga dilihat sebagai usaha strategik untuk membawa reformasi

besar dalam industri padi dan beras negara sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI.

Projek pembangunan merangkumi dua komponen utama iaitu pembinaan dan penyelenggaraan 15 Blok Sistem Pengairan Tersier (Projek 1) serta Projek Pemulihan Menyeluruh Empangan Pedu Fasa 1 (Projek 2), yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah sekitar RM1 bilion.